

KENYATAAN MEDIA

UiTM BERTINDAK SEGERA UNTUK MEMBANTU PELAJAR, STAF DAN KOMUNITI SETEMPAT MANGSA BANJIR

SHAH ALAM, 19 DISEMBER 2021 – Berikutan kejadian bencana alam yang tidak diduga iaitu hujan berpanjangan yang telah mengakibatkan banjir melanda hampir keseluruhan kawasan di lembah klang, Universiti Teknologi MARA telah mengambil langkah proaktif dan tindakan segera dengan membuka masjid UiTM Shah Alam sebagai penempatan sementara kepada semua mangsa banjir di sekitar Shah Alam manakala kolej di kampus Shah Alam sebagai tempat perpindahan dikalangan pelajar dan staf UiTM.

Bantuan khas banjir kilat untuk warga UiTM juga telah diwujudkan serta merta berikutan kejadian ini yang disediakan oleh bahagian zakat, sedekah dan wakaf (ZAWAF), UiTM. UiTM juga mengalu-alukan pihak yang ingin menyumbang kepada Tabung Sumbangan Banjir boleh berbuat demikian kepada **Bendahari UiTM di akaun bank Affin Islamic Bank (No akaun 1051-4000-3422)**. **Pihak UiTM bersedia membantu staf dan pelajar UiTM sekitar lembah klang.** Mereka diminta untuk **whatsaap Bridged Sukarelawan UiTM - Encik Ku Hadzrill ditalian 0193813863.** Sekiranya ada staf atau pelajar yang bersedia untuk menjadi SUKARELAWAN juga boleh menghubungi nombor yang sama.

Naib Canselor UiTM Prof. Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor menzhirkan rasa simpati dan mendoakan keselamatan agar dipermudahkan segala urusan bagi seluruh warga UiTM yang terkesan akibat banjir. Prihatin dengan nasib seluruh keluarga besar UiTM yang terkesan akibat banjir, semua bentuk tugasan kepada pelajar yang perlu dihantar pada minggu ini adalah ditangguhkan. Semua warga UiTM yang terkesan juga akan diberikan cuti khas bagi membantu meringankan beban mereka yang terjejas.

###

Mengenai UiTM

Sebagai universiti komprehensif terbesar di Malaysia, Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah mempertingkatkan ketampakannya melalui kerjasama dengan universiti di seluruh dunia. Ia terus menyediakan akses kepada pendidikan tinggi, memainkan peranannya dalam membina negara dengan menyerlahkan potensi, membentuk masa hadapan.

Dalam menyediakan pendidikan inovatif di 35 kampus dan 26 fakulti di seluruh Malaysia, UiTM menawarkan lebih daripada 500 program akademik di peringkat Asasi, Pra-Diploma, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana, dan PhD, serta Program Profesional. Kini, UiTM adalah sebuah institusi pengajian tinggi terkemuka yang terbukti menjadi pilihan pelajar.

Antara pencapaian terhebat, UiTM menduduki tempat ke-105 dalam QS Asia University Rankings 2022, pada kedudukan 651-701 dalam QS World University Rankings 2022 dan pada kedudukan 101-200 dalam penarafan THE Impact Rankings 2021. Pada tahun 2021, subjek Hospitality and Leisure Management berada pada kedudukan 51-100 dunia dan 12 daripada subjek UiTM lainnya telah tersenarai dalam penarafan QS World University Rankings by Subject 2021. UiTM juga telah memenangi pingat emas dalam QS APPLE Creative Awards 2020 bagi kategori Iklan Kreatif Terbaik di peringkat antarabangsa.

Dengan lebih daripada 900,000 alumni dalam bidang sains, teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan, UiTM menawarkan peluang dalam membentuk pemimpin di peringkat kebangsaan, industri dan global dalam mencapai aspirasi untuk menjadi sebuah universiti terkemuka dunia menjelang tahun.

PERTANYAAN MEDIA

Pengarah Kanan

Jabatan Komunikasi

Universiti Teknologi MARA

Emel: azida767@uitm.edu.my

Tel: +6014.841.1191